MAHATHIR- ISLAM

1984

KUALA LUMPUR, 7 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MAHU KOMPLEKS PUSAT ISLAM SERBA MODEN YANG AKAN SIAP DIBINA JANUARI DEPAN MENJADI LAMBANG KEMEGAHAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

DALAM HUBUNGAN INI, PERDANA MENTERI MENEKANKAN PERLUNYA BANGUNAN ITU DIJAGA GENCAN RAPI SEPANJANG MASA AGAR KECANTIKANNYA SENTIASA TERPELIHARA.

+TIDAK GUNA MEMPUNYAI BANGUNAN YANG INDAH JIKA TIDAK ADA PROGRAM UNTUK MENJAGANYA. OLEH ITU PERUNTUKAN KHAS HENDAKLAH DISEDIAKAN BAGI PENYELIAAN BANGUNAN,+ TAMBAHNYA SEMASA MENDENGAR TAKLIMAT SEHPENA LAWATANNYA KE PROJEK BERHARGA $37 JUTA ITU YANG TERLETAK DI DEPAN MASJ ID NEGARA.

DI MAJLIS TAKLIMAT ITU, DATUK SERI DR. HAHATHIR JUGA TELAH HEMBERIKAN BEBERAPA PANDANGAN UNTUK MENCANTIKKAN PUSAT ITU TERMASUK MENGHIASI SEKITARNYA DENGAN BUNGA-BUNGAAN DAN POHON MENGHIJAW.

JURUTERA PERUNDING BAGI PEMBINAAN PUSAT ISLAM, NIK MOHAMED NIK MAHMOOD, DALAH TAKLIMATNYA KEPADA PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BAHAWA KOMPLEKS ITU MEMPUNYAI BERBAGAI KEMUDAHAN TERHASUK AUDITORIUM, MUZIUM, PERPUSTAKAAN, STUDIO RAKAMAN, RUANG BERLEGAR DAN BILIK KULIAH. -- LAGI

MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

R'JANG BERLEGAR ITU DAPAT MENAMPUNG 6,000 ORANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN MANAKALA AUDITORIUM YANG AKAN SIAP DALAM BULAN MAC AKAN DAPAT MENEMPATKAN 1,430 ORANG.

PENGARAH PUSAT ISLAM, DR. ABDUL HAMID OTHMAN PULA MEMBERITAHU TINGKAT PERTAMA BAGI PODIUM PEJAEAT SETINGGI 11 TINGKAT AKAN DIKHASKAN UNTUK BANK ISLAM MANAKALA YANG LAINNYA AKAN DIGUNAKAN SEBAGAI KOMPLEKS PUSAT ISLAM BAGI MENEMPATKAN 551 ORANG KAKITANGANNYA.

BELIAU MENCADANGKAN AGAR NAMA +AL-MARKAS AL-ISLAMI+ BAGI PEJABAT BAHAGIAN AGAMA ISLAM JABATAN PERDANA MENTERI YANG LAMA DIKEKALKAN BAGI PUSAT ISLAM BARU SELUAS 3.6 HEKTAR ITU.

PERDANA MENTERI MENGHABISKAN MASA LEBIH SEJAM MELAWAT SEKITAR KOMFLEKS ITU YANG KINI SIAP 70 PERATUS. KINI CUMA KERJA-KERJA MELENGKAPKKAN BANGUNAN ITU YANG PERLU DIJALANKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DIIRINGI OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK KHALIL YAAKUB, TIMBALAN MENTERI' DI JABATAN PERDANA MENTERI, DR. YUSOFF NOR DAN TIMBALAN MENTERX WILAYAH PERSEKUTUAN, ENCIK AHMAD SHAH TAMBAKAU. -- BERNAMA